

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 21/01/2018
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my



PRESIDEN ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berucap pada majlis perasmian mesyuarat agung tahunan kali kedua Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah, Ampang, hari ini.

Konsep Koperasi Kariah Masjid diperluaskan ke negara OIC

Oleh Farah Diana Baharudin

AMPANG: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANKASA) akan memperluaskan konsep Koperasi Kariah Masjid ke negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam usaha memantapkan ekonomi, sosial dan budaya umat Islam.

Presiden ANKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya berhasrat supaya konsep itu dapat memberi dimensi baharu kepada umat Islam di negara OIC.

"Indonesia sudah terima baik konsep itu dan kami akan bergerak ke Kemboja untuk memperkenalkan konsep itu secara meluas pada hujung bulan ini.

"Pada pertengahan tahun ini juga ANKASA akan mengadakan satu perbincangan dengan negara OIC," katanya di sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan kali kedua Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Masjid Bukit Indah, Ir Datuk Ghazali Omar.

Abdul Fattah berkata, masjid berperanan sebagai platform untuk menyatupadukan masyarakat selain menjadi tempat untuk beribadah.

"Konsortium Koperasi Kariah Masjid (KONSORMAS) ditubuhkan sejak Ogos tahun lalu untuk menggabungkan Koperasi Kariah Masjid dalam menjayakan program pembangunan koperasi dari segi ekonomi, sosial dan budaya.

"Melalui penubuhan itu, kita mengharapkan masyarakat Islam menggunakan koperasi sebagai tempat mengumpulkan segala sumber seperti modal dalam sesuatu kariah.

"ANKASA turut memainkan peranan untuk memberikan bantuan kepada pembangunan koperasi melalui tiga agensi iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia dan ANKASA sendiri," katanya.

Katanya, sebanyak 500 masjid di seluruh negara sudah mempunyai Koperasi Kariah Masjid.